

Headline	Rahimi pastikan Selangor juara		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	17 Jul 2019	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Sukan	Page No	53
ArticleSize	236 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 15,009		



## Rahimi pastikan Selangor juara



Barisan pemain Selangor meraikan kejuaraan Liga Hoki Piala Ketua Polis Negara TNB 2019.

MUHAMMAD Rahimi Iskandar memastikan Selangor muncul juara Liga Hoki Piala Ketua Polis Negara TNB 2019 selepas menjaringkan empat gol membantu kemenangan 8-2 mengatasi juara bertahan Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (Pulapol).

Pada aksi final yang diadakan di Stadium Hoki Kangar, Rahimi muncul wira Selangor apabila meledak empat gol ke gawang Pulapol.

Gol pertama Selangor muncul pada awal minit perlawanan menerusi jaringan Mohd Azmer Mohd Kamal sebelum Pulapol menyamakan kedudukan minit ketujuh hasil pukulan sudut penalti disempurnakan bekas pemain kebangsaan, Baljit Singh.

Selangor menggandakan usaha dan berjaya menjarakkan jurang selepas memperoleh gol pada minit kesembilan, 18 dan 40 yang masing-masing dijaringkan oleh Mohd Azmer Mohd Kamal, Mohd Faizal Reza Mohd Nor dan Mohd Fuad Azis.

Selangor melengkapkan kemenangan bergaya apabila Muhammad Rahimi meledak empat gol pada suku ketiga dan keempat perlawanan dengan Pulapol berjaya memperoleh gol kedua hasil jaringan Baljit.

Jurulatih Selangor, Mohd Zaki Hushariq berkata, persefahaman antara pemainnya membuahkan hasil.

“Tahun lalu kami kecundang pada perlawanan suku akhir tetapi kali ini berjaya memenangi kejohanan ini.

Meskipun kehilangan beberapa tonggak tetapi beberapa pemain muda yang menyertai pasukan Selangor pada kali ini nyata menyuntik semangat pasukan.

“Hasil kerjasama antara setiap pemain akhirnya kami berjaya meraih kemenangan ini,” katanya.

Majlis penyampaian hadiah disampaikan Timbalan Ketua Cawangan Khas PDRM, Datuk Rosly Abas dengan diiringi Ketua Polis Perlis, Datuk Noor Mushar Mohd.